



SIARAN MEDIA

MALAYSIA TANDATANGANI PERJANJIAN *BIODIVERSITY BEYOND NATIONAL JURISDICTION* (BBNJ)

Malaysia secara rasmi telah menandatangani Perjanjian di bawah Konvensyen Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu berkaitan Pemuliharaan dan Penggunaan Mampan Kepelbagaian Biologi Marin di Kawasan Luar Bidang Kuasa Negara (Perjanjian BBNJ) pada 3 September 2025, di Ibu Pejabat Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), New York.

Perjanjian itu ditandatangani oleh T.Y.T. Dato' Dr. Ahmad Faisal Muhamad, Wakil Tetap Malaysia ke PBB yang telah diberi kuasa untuk menandatangani Perjanjian tersebut bagi pihak Malaysia di New York, Amerika Syarikat.

Perjanjian BBNJ merupakan satu pencapaian bersejarah dalam usaha global untuk melindungi alam sekitar marin, khususnya di kawasan luar bidang kuasa negara.

Instrumen yang mengikat secara sah ini adalah di bawah Konvensyen Undang-Undang Laut Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (KUUL) yang bertujuan untuk memastikan pemuliharaan jangka panjang dan penggunaan mampan biodiversiti marin melalui kerjasama antarabangsa yang lebih erat, pembangunan keupayaan, penilaian impak alam sekitar, dan akses yang adil kepada sumber genetik marin.

Langkah Malaysia menandatangani Perjanjian BBNJ adalah merupakan langkah pertama, sebelum Malaysia meratifikasi Perjanjian tersebut.

Keputusan Malaysia untuk menandatangani Perjanjian BBNJ bukti komitmen teguh negara terhadap prinsip multilateralisme, kedaulatan undang-undang dalam tadbir urus laut, serta menyokong Agenda Pembangunan Mampan 2030, khususnya **Matlamat 14: Kehidupan Di Bawah Air**.

Sebagai sebuah negara maritim dan anggota Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, Malaysia mengiktiraf kepentingan kritikal dalam memelihara kesihatan dan daya tahan lautan demi generasi kini dan akan datang.

Malaysia akan terus terlibat secara konstruktif dalam kerja-kerja persediaan ke arah pelaksanaan Perjanjian BBNJ, dan menjalankan proses domestik yang sewajarnya bagi tujuan pengesahan perjanjian ini.

KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM (NRES)
12 SEPTEMBER 2025



Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES)
Tel. : 03-8000 8000 | Faks : 03-8889 4763



nresmalaysia